

# PELAN INDUK PEMBANGUNAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM 2011-2021

## 1.0 PENGENALAN

Membangunkan sebuah negara mahupun negeri apatah lagi daerah ini yang dikenali sebagai Daerah Kecil Slim River / Tanjong Malim merupakan satu cabaran besar kepada pentadbirnya. Dengan keluasan 949.86 km persegi ia ditadbir oleh dua agensi kerajaan iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Slim River dan Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM). Kedua-dua institusi ini adalah merupakan nadi dan penghubung langsung antara Kerajaan dengan orangramai. Keberkesanan pentadbiran kedua-dua institusi ini melambangkan imej pentadbiran Kerajaan samada baik atau buruk.

Majlis Daerah Tanjong Malim merupakan Pihak Berkuasa Tempatan bagi Daerah Kecil Slim River/Tanjong Malim ini. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenali sebagai kerajaan ketiga iaitu yang paling hampir dengan rakyat sudah tentu hasrat kerajaan memerintah agar **rakyat didahulukan pencapaian diutamakan** diberi penekanan walaupun “pelbagai pihak” sedia maklum kekurangan dan kekangan yang ada pada pentadbir **Pintu Masuk Utama** selatan negeri Perak ini.

Selama tiga dekad, pentadbir ini sedikit sangat dibantu untuk memakmurkan **Pintu Masuk Utama** Negeri Perak. Secara tidak langsung menggambarkan Perak seadanya walaupun tiga dekad yang telah berlalu itu begitu ramai yang ditauliahkan pangkat **“Laksamana”** dipersada pemerintahan Negara namun amat sedikit pula yang berbakti kepada Negeri tumpah darahnya.

Negeri Perak hingga ke hari ini dan bandar-bandar pentingnya terus secara halus dilupa dan seolah-olah dipinggirkan. Walaupun suatu ketika dahulu negeri Perak pernah menjadi **“Juara”** dan **“Big Brother”** kerana kekayaan hasil buminya dan pemurah para pemimpinnya. Kini ia tinggal kenangan. Tanah yang dulunya kaya dengan Bijih Timah kini tinggal kolam-kolam yang kebanyakannya amat terhad penggunaannya. Sengsara terus bertambah apabila Lebuh raya kebanggaan Negara (PLUS) merentasi negeri tanpa mengira jasa negeri Perak hinggan bandar-bandar yang suatu ketika dahulu popular kini lengang malah digelar **“Pekan Kobi”** dan **“Pekan Mati”** pula.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Kawasan pentadbiran MDTM yang mempunyai keluasan 189.02 km persegi dengan jumlah kakitangan yang tidak sampai 200 orang terletak dalam Daerah Kecil Slim River/Tanjong Malim. Ia terbahagi kepada 8 kawasan utama yang dikenali sebagai;

- i. Trolak Pekan
- ii. Slim River
- iii. Slim Village
- iv. Behrang Stesyen
- v. Behrang Hulu
- vi. Bandar Behrang 2020
- vii. Bandar Proton dan
- viii. Tanjong Malim

Berdasarkan jumlah penduduk semasa yang telah menjangkau 100 ribu orang serta pendapatan majlis yang melebihi 10 juta setahun, hasrat dinaikan taraf perbandaran berdasarkan kriteria lama mungkin telah tercapai. Namun hasrat ini mungkin terpaksa ditangguhkan seketika kerana terdapat kriteria baru naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil 4 tahun 2008 bertarikh 1 Julai 2008 memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mei 2008 dan Mesyuarat Majlis Negara dan Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke 60 pada 3 Jun 2008 telah bersetuju dengan kriteria baru naik taraf PBT iaitu bagi Majlis Daerah yang berhasrat untuk dinaikkan taraf Majlis Perbandaran ia hendaklah mematuhi kriteria-kriteria berikut;

- i. Merupakan Bandar Utama atau Pusat Pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah.
- ii. Mempunyai penduduk tidak kurang dari **150 ribu orang**.
- iii. Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang Mampan (Sustainable) dengan hasil tahunan tidak kurang dari **RM20 juta** dan berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang wajar dan selesa sesuai dengan tahap kualiti hidup sebuah perbandaran.
- iv. Mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan, perlancongan dan perumahan utama sediada ataupun dalam perancangan yang dikenalpasti berpotensi member sumbangan kepada pertumbuhan pekerjaan yang boleh dikenakan cukai serta penjanaaan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor.
- v. Keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga di samping menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial.

- vi. Mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan serta dihubungkan dengan system lebuhraya yang cekap. Mempunyai konsep perancangan Bandar yang mampan (sustainable) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator Bandar Mapan seperti yang ditekan dalam *System Malaysia Urban Indicator Network* (MURNInet) juga akan diambilkira.
- vii. Mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 ( LA21) ataupun penglibatan jawatankuasa penduduk.

Berdasarkan kriteria baru di atas adakah Majlis Daerah Tanjong Malim dalam kategori yang dimaksudkan?

Jika dilihat kepada senario semasa bukan mustahil untuk MDTM memenuhi kriteria-kriteria tersebut. Kebanyakan kriteria telah ada cuma jumlah penduduk dan hasil Majlis sahaja yang perlukan pepada penambahan. Berdasarkan unjuran penduduk, dijangka pada tahun 2021 penduduk dalam kawasan pentadbiran Tanjong Malim akan melebihi 152,000 orang. Hasil semasa Majlis yang kini telah melebihi RM 10 juta setahun dijangka dapat mencapai sasaran RM 20 juta setahun menjelang 2021.

Jadual 1.0 : Anggaran Penduduk Semasa dan Unjuran

<b>INSTITUSI/TAHUN</b>	<b>SEMASA 2010</b>	<b>UNJURAN 2020</b>
UPSI	12,000	30,000
PROTON DAN VENDOR	3,000	34,000
POLITEKNIK	2,099	5,600
PENDUDUK TEMPATAN (64/KM PER-SUMBER RSN)	60,791	72,400
INSTUN DAN LAIN INSTITUSI	3000	10,000
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>80,890</b>	<b>152,000</b>

### **3.0 KEKUATAN DAN KELEBIHAN**

## KEKUATAN DAN KELEBIHAN POPULASI SOKONGAN

Bil	Daerah/Pentadbiran	Anggaran tempuh perjalanan	Anggaran peratus populasi yang blh menyokong pembangunan	Jumlah populasi
1.	Majlis Daerah Kampar ( MDK )	45 minit	30% daripada 72,847 orang	21,854 orang
2.	Majlis Daerah Tapah (MDT)	35 minit	30% daripada 66,782 orang	20,034 orang
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPT)	45 minit	30% daripada 110,228 orang	33,068 orang
4.	Majlis Daerah Hilir Selangor (MDHS)	20 minit	30% daripada 157,000 orang	47,100 orang
5.	MDTM	-	70% daripada 80,890 orang	56,623 orang
6.	Lebuhraya Utara Selatan	-	5% daripada 5 juta kenderaan x 4 penumpang	1 juta orang
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>1,178,679 orang</b>

Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) melalui Pasukan Perancang Pembangunannya telah mengenalpasti kekuatan dan kelebihan sediaada serta amat sedia maklum densiti populasi setempat dalam jangka pendek mahupun jangka panjang amat penting untuk membantu merencanakan pembangunannya. Justeru itu berpandu kepada teori populasi sebenarnya **boleh digerakan** dan **dipujuk** maka langkah dan strategi MDTM adalah **merancang dan merangka 37 projek-projek pembangunan strategik** yang boleh mempengaruhi pengguna jalanraya mahupun lebuhraya untuk singgah, menginap dan berbelanja. Justeru itu bagaimana? Apakah strategi dan kaedah MDTM? Masih perlukah strategi dan kaedah lama antaranya sesuatu pembangunan itu perlu diperlihatkan untuk orang datang dan kunjungi? Perlu dan masih relevan jika sesuatu lokasi itu berada dalam lingkungan petempatan yang berdensiti tinggi tetapi tidak kepada yang sebaliknya.

Justeru itu MDTM berpendapat langkah yang lebih baik ialah jika strategi dan kaedah baru iaitu “ **kita hendak orang dengar**” kerana bila dengar orang nak **tahu**, nak **lihat** dan **nikmati** misalnya bila orang dengar sesuatu yang **Sedap, Cantik Lagi Menarik, Segar, Murah dan menghiburkannya** pasti berduyun-duyun akan mengunjungi tempat tersebut.

Sekali lagi bagaimana? Apa langkah yang akan diambil oleh MDTM? Diringkaskan jawapannya MDTM telah menerima, menggunakan dan menjadikan Rancangan struktur Negeri Perak, Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2020, “Drainage Master Plan” dan “MDTM Lanscape Master Plan **sebagai garis panduan untuk merangka Pelan Induk Pembangunan yang menjurus kepada 37 projek-projek strategik** dan **Mewujudkan mitos/penceritaan kawasan dan pembangunan yang dicadangkan**. Seterusnya MDTM kini giat berusaha mempromosi secara gigih bagi mendapatkan pelabor-pelabor bijak berwawasan, melobi pihak-pihak berkaitan untuk mendapatkan peruntukan, mewujudkan “smart partnership” antara Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan “Proton City Development Corporation” dan kemudian InsyaAllah akan cuba menjadi pemudahcara yang terbaik Negara dalam melaksanakanlah projek-projek yang telah dirancang dengan telus dan jayanya. Akhir sekali yang paling penting menjaya dan mendayatahkannya adalah melalui **PROMOSI PROMOSI PROMOSI**.

#### 4.0 VISI PEMBANGUNAN

Visi pembangunan Majlis Daerah Tanjong Malim menuju Majlis Perbandaran Tanjong Malim 2021 adalah **MENJADIKAN KAWASAN MDTM KHUSUSNYA DAN DAERAH BATANG PADANG AMNYA SEBAGAI PUSAT TUMPUAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, ZON INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI, PUSAT INSTITUSI ILMUAN, ZON PERTANIAN DAN EKO-PELANCONGAN**. Ia selaras dengan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang disediakan.

#### 5.0 STRATEGI PEMBANGUNAN

Untuk lebih fokus dan mencapai visi di atas strategi pembangunan adalah;

- **MENGGALAKKAN SEKTOR PERINDUSTRIAN ROBOTIK DAN AUTOMOTIF YANG BERTERASKAN IT DAN R&D**
- **MENGGALAKKAN DAN MENINGKATKAN PEMBANGUNAN AKTIVITI PERLANCONGAN**
- **MENGGALAKKAN DAN MENINGKATKAN PEMBANGUNAN BERASASKAN FUNGSI DAN IDENTITI SETEMPAT**

Strategi-strategi di atas telah mengarah Majlis untuk menyediakan dan menerimapakai garis panduan pembangunan tambahan seperti “**Drainage Master Plan**” dan “**Landscape Master Plan**” bagi mengukuh dan mengawal pembangunan agar lebih **mesra alam** dan **mesra rakyat**.

## **6.0 PELAN INDUK PEMBANGUNAN MDTM 2011-2021 :- CADANGAN PROJEK-PROJEK STRATEGIK**

Pelan Induk Pembangunan MDTM 2011-2021 adalah selaras dengan kehendak **NKRA, NKEA dan Pelan Pembangunan Perak Amanjaya**. Ia mengandungi cadangan projek-projek strategik yang selaras dengan visi dan strategi yang ditetapkan. Ia merupakan rangkaian pembangunan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh diwujudkan secara pakej dan berasingan mengikut keutamaan yang mana Majlis berkeyakinan penuh ia dapat mengubah senario sesuatu kawasan mundur, iaitu kawasan yang digelar "**Pekan Kobi**" dan "**Pekan Mati**" kepada suatu kawasan yang lebih menarik, beridentiti serta berdaya maju.

Untuk memastikan projek-projek ini berjaya dilaksanakan, pihak MDTM akan bertindak sebagai pemudahcara yang terbaik dan sudah tentu Majlis tidak akan bertindak bersendirian. Majlis memerlukan kerjasama pelbagai pihak terutama **Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan** dan pastinya "**Peneraju-peneraju utama**" pembangunan yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran MDTM khususnya dan Malaysia amnya. Senarai 37 projek-projek strategik yang dimaksudkan adalah seperti dalam jadual 1.0.

Jadual 1.0 : Cadangan Projek-projek Strategik MDTM Menuju MPTM 2021

BIL	KOMPONEN PEMBANGUNAN	LOKASI	RINGKASAN JUSTIFIKASI	ANGGARAN KOS PEMB.	AGENSI PEMUDAH/PELAKSANA
1.	<b>TANJONG MALIM</b> Pembangunan Bercampur; Hotel 4 Bintang, Pangsapuri kediaman, Kompleks perniagaan Kompleks Sukan Serbaguna dll.	Tanah Kerajaan di Jalan Maktab, Jln Ketoyong dan Kawasan Rumah Rehat Tg Malim	NKEA-Business Services & Wholesale & Retail ; Meyediakan alternatif ruang niaga yang lebih selesa dan kompetatif	88 juta	Usahasama MDTM dan pihak Swasta
2.	Cadangan SMK & SRK 18.0 ek	Depan Perumahan Awam III	NKEA-Education; Menampung ketidakcukupan SMK &SRK	50 juta	Kementerian Pelajaran
3.	Dataran Malim	Dari Kuil Hindu hingga landasan keretapi	NKEA-Tourism; Diperlukan untuk menampung acara-acara perarakan peringkat kebangsaan	4 juta	Kerajaan Negeri Jab Lanskap Negara dan MDTM
4.	Malim Walk	Jalan Besar hingga landasan keretapi	NKEA-Tourism & Enhancing Infa; Naik taraf Jalan dan tingkat kan Keceriaan dan Keindahan bandar	2 juta	Kerajaan Negeri, Jab Lanskap Negara dan MDTM
5.	Arena Square	TLK MDTM atau Depan Maybank		650 ribu	Kerajaan Negeri, Jab Lanskap Negara dan MDTM



6.	Pintu Gerbang Malim (dua unit)	Dua Jambatan yang merentasi Sg. Bernam	NKEA-Tourism ; Pengindahan dan Keceriaan Tanjong Malim	200 ribu	Kerajaan Negeri, Swasta dan MDTM
7.	<p>Malim Square;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Interlocking Pavement</li> <li>- Pusat Seni, Mini Muzium &amp; Pusat Maklumat Pelancongan</li> <li>- Malim Goodies Center</li> <li>- Malim Best (food court)</li> <li>- Nigt Bazar (Pasar Lambak)</li> <li>- Rumah Tradisi Kg. Kubu</li> <li>-Tempat Letak Kereta bertingkat</li> <li>- Lorongt Pejalan Kaki</li> </ul>	<p>Jalan Mustafa Kamal serta jalan-jalan persekitarannya Rumah Rehat lama Arked Majlis Rizab Keretapi (Kedai Dollah) Jalan Choong Ah Peng &amp; jalan-jalan sekitarnya. Kampung Kubu</p> <p>Tanah kerajaan bersebelahan stesen bas</p> <p>Persisiran Sungai dan Kaki lima kedai.</p> <p>Jalan Besar</p>	<p>NKEA-Tourism &amp; Enhancing Infastructure;</p> <p>Pusat Maklumat Pelancongan Selatan Perak dan menaik taraf kemudahan dan aset – aset dalam Bandar sebagai aset yang boleh menjadi daya tarikan pelancongan dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim. Ia selaras dengan matlamat kearah perbandaran 2021.</p> <p>NKEA- Enhancing Infastructure; Menghubungkan dua kawasan yang terpisah</p>	<p>1 juta</p> <p>500 ribu</p> <p>5 juta</p> <p>500 ribu (pencahayaan dan lanskap keras)</p> <p>100 ribu (Cat dan interlocking pavement)</p> <p>2 juta</p> <p>300 ribu</p> <p>2 juta</p>	<p>Kerajaan Negeri, Jab. Lanskap Negara dan MDTM</p> <p>JKR, Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Persekutuan</p>
8.	Pembinaan Terowong Menyeberangi Landasan Keretapi	Jalan Besar	NKEA- Enhancing Infastructure; Menghubungkan dua kawasan yang terpisah	2 juta	JKR, Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Persekutuan

9.	<b>Pembangunan Semula Tapak</b> - Stesyen Bas dan Pasar Besar Tanjong Malim	Tapak sediada atau tapak baru	NKEA-Enhancing Infrastructure; Stesyen Bas dan Pasar sediada dibangun semula dengan konsep yang lebih moden, bersih dan selesa	8 juta	Kerajaan Negeri, Swasta &MDTM
10.	<b>Menaik taraf Longkang Perak Waterways</b> - Malim Waterfront	Tapak sediada	Menaiktaraf Infrastruktur	100 ribu	MDTM
11.	- Kg. Simpang Empat Eco-Lancong	Sungai Bernam	NKEA-Tourism ; Pintu Masuk Selatan Negeri Perak	100 juta	Kemenerian Pelancongan , JPS, MDTM, Kerajaan Negeri
11.	<b>Pembangunan Taman Rekreasi Komuniti 1 Malaysia</b>	Rizab KTMB Jalan Ketoyong	NKEA-Tourism ; Tapak aktiviti masyarakat merealisasikan Gagasan 1 Malaysia dalam bentuk fizikal	8 juta	MDTM, KTMB, JLN dan Kerajaan Negeri
12.	<b>BANDAR PROTON</b> Pembangunan Skim Perumahan, Pusat Komersial, Hotel dan Convensyen Centre Automotive Hypermarket , MAIDIN,	Tanah PCDC	NKEA- Business survice, Wholesale & Retail Pertambahan hartanah kediaman dan komersial diperlukan untuk menampung keperluan UPSI dan penghijrahan Proton Shah Alam ke Tanjong Malim	100 juta	Proton City Development Cooperation Sdn Bhd (PCDC), Pihak Swasta
13.	UNIVERSITI/KOLEJ AUTOMOTIF, UNIVERSITI TAHFIZ MALAYSIA (UTAMA)	Tanah Proton Berhad	NKEA-Edcation;	60 juta	Kementerian Pengajian Tinggi
14.	Hutan Bandar	Rizab Kawasan rekreasi 32 ek di Bandar Proton	NKEA-Tourism ; Rekreasi ekstrem berkonsepkan hutan flora dan fauna Exploration	15 juta	Kementerian Pelancongan, Jabatan Lanskap Negara MDTM dan pihak swasta Proton BHD & Kementerian Pelancongan dan Proton Berhad
15.	Techno - Lancong	Proton Plant	Pendedahan Teknologi Automotif	100 ribu	

16.	<p><b>BANDAR BEHRANG 2020</b></p> <p>Pelabuhan Darat,  “Mini Wet Land”,  Stesyen Bas Bersepadu,  Pusat Barang Lusuah</p>	<p>Kawasan Industri B2020  Kawasan lapang  Kawasan komersial  Kawasan Industri B2020</p>	<p>NKEA-Tourism &amp; Enhancing Infastructure;  Memaksimakan penggunaan tanah</p>	20 juta	<p>Jab Lanskap Negara , MIDA, MDTM dan pihak swasta</p>
17.	<p><b>BEHRANG STESYEN (PEKAN KOBOI)</b></p> <p>Zon Akuakultur,</p>	Tanah Kerajaan	<p>NKEA-Tourism, Agriculture, Education &amp; Enhancing Infastructure;</p> <p>Daya tarikan baru untuk penjenamaan dan mendayamajukan pekan koboi serta menarik minat pengguna lebuhraya dan JIn Persekutuan 1</p>	500 ribu	<p>Kerajaan Negeri,Jabatan Perikanan, MDTM dan Pihak Swasta</p>
18.	<p>Wet Bazar-“The Best Of Fresh Water Fish”</p>	Tanah Kerajaan		300 ribu	
19.	<p>Cadangan Jalan Susur Keluar Lebuhraya yang baru melalui Kelawar Link</p>	Kelawar Link	<p>Memudahkan Produk Pelancongan serta Proton Plant dan Hasil Bumi Hulu slim dan Raub Pahang di pasarkan</p>	25 juta	<p>PLUS, Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta MDTM</p>
20.	<p>Pusat Tahfiz Moden</p>	Tanah persendirian Behrang Stesyen	<p>Mempelbagaikan Institusi Membentuk Modal Insan</p>	15 juta	<p>MAIP</p>


21.	<b>BEHRANG HULU (PEKAN KOBOI )</b>  “EXOTIC FISH SANCTUARY” Bazar; Restoran Ikan Eksotik, Mini muzium ikan Eksotik - Kolam Memancing -Jungle Tracking Sungai Sekiah - Kawasan Perkelahan - Lanskap dan Alat permainan kanak-kanak - Kemudahan awam	Tanah Kerajaan	NKEA-Tourism & Agriculture;  Daya tarikan baru untuk penjenamaan dan mendayamajukan pekan koboi	10 juta	Kerajaan Negeri, Jab. Perikanan, JLN, Pelancongan, MDTM dan pihak Swasta
22.	Cad. Zon Rumah Mampu Milik	Tanah Kerajaan	Menampung keperluan golongan sederhana dan membuka ruang kepada kakitangan kerajaan untuk memiliki lot kediaman	5 juta	Kerajaan Negeri dan Perumahan Negara
23.	RPT Kakitangan Kerajaan	Tanah Kerajaan		10 juta	Kerajaan Negeri
24.	Zon-zon Burung Walit	Tanah-tanah Persendirian	NKEA-Tourism & Agriculture; Untuk menampung permintaan perusahaan ini yang semakin popular dan menguntungkan	35 juta	Kerajaan Negeri, Veterinar, MDTM dan pihak swasta
25.	Pusat Penyembelihan Binatang Ternakan	Tanah Kerajaan	NKEA- Agriculture; Memusatkan aktiviti penyembelihan selatan perak	30 juta	Kerajaan Negeri dan Persekutan, Veterinar dan MDTM
26.	Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan	Tanah KPTG 60.0ekar	NKEA-Edcation; Projek RMK10 fasa I	50 juta	Kementerian Sumber manusia

	<b>SLIM RIVER</b>				
27.	Jalan baru Bagan Datuk- Slim River- Ulu Slim-Raub, Menaik taraf Jalan Negeri & longkang	Tapak sediada	NKEA- Enhancing Infra strcture NKEA-Tourism – nature adventure Membantu meningkatkan taraf hidup penduduk luarbandar khususnya dan negeri amnya	100 juta	JKR & MDTM
28.	Pembangunan Eko-Pelancongan yang melibatkan kolam air panas, Sungai-sungai dan Taman Bunga Negara	Integrasi Ulu Slim -Sg. Slim-Tasek YDP (33km), Sg Bil Sg. Chinai dan Sg Dara		80 juta	Kerajaan Negeri, Kementerian Pelancongan dan pihak swasta(Slme Darby)
29.	Pembangunan Komersial Taman Tema Air Tasik YDP	Bekas lombong berhampiran jalan persekutuan 1 Slim River – Tg. Malim	NKEA-Tourism Satu daya tarikan baru Slim River	5 juta (L)	Jab Lanskap Negara , MDTM dan pihak swasta
30.	Pengindahan & naik taraf infra Pekan Slim River	Pekan Slim River	NKEA-Tourism & Enhancing Infra strcture Penambahbaikan	100 ribu	MDTM dan Kerajaan Negeri
31.	Industri Air Bawah Tanah	Clony Estate SIME DARBY	NKEA-Business Potensial Hasil Baru Negeri dan Penyediaan Peluang –peluang pekerjaan	-	Kerajaan Negeri & Swasta
32.	INTERNATIONAL CARGO AIRPORT - 0.5KM FROM RAILWAY, 1KM FROM FEDERAL ROAD 1 & 1.5KM FROM PLUS HIGHWAY  “EXOTIC FRUIT TRANSIT ZONE” ( EFTZ) &	Sebahagian dari Ladang Kelapa Sawit ASPEK  Kawasan R&R lama-Klant	NKEA-Business Service Sokongan untuk Industri automotif, Pertanian dan Produk Makanan Binatang ternakan  NKEA- Business Service Tourism & Agriculture;	500 juta  20 juta	Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Swasta  Kerajaan negeri & pihak swasta

33.	“NORTH-SOUTH INDUSTRIAL PRODUCT TRANSIT ZONE (NSipTZ)”		Any North-South Industrial Product & Local Durian, Manggis, Pulasan Langsung, Petai, Jering etc		
-----	--	--	---	--	--


34.	Taman Makanan Binatang Ternakan - Pembangunan Ladang - Kilang Pengeluar Makanan Binatang Ternakan.	Felda Sg Behrang	NKEA-Business Service/Potential Mempelbagaikan sumber hasil yang lebih menarik dan lumayan	50 juta	Kerajaan Negeri dan Swasta
35.	<b>SLIM VILLAGE (PEKAN KOBOI )</b> Cad.Terminal Makanan Negara Timur barat (TEMAN TIBA)	Pekan sediada di naik taraf	NKEA-Business Service/Potential Penjenamaan semula dan persediaan untuk memusatkan aktiviti pengeluaran dan pengumpulan hasil-hasil pertanian	30 juta	Kerajaan Negeri, FAMA, Jab. Pertanian dan MDTM
36.	Cad SMK Slim Village	Kg Sawa Slim Village	NKEA-Education Memenuhi keperluan	30 juta	Kementerian pelajaran
37.	<b>TROLAK PEKAN (PEKAN KOBOI )</b> Cad. Trolak Pekan Idaman (TROPI) - Kawasan Kediaman Mampu milik - Mini Kompleks sukan dan kawasan rekreasi. - Bazar IKAN HIASAN - Kampung Warisan - TELAGA LIMA - Kemudahan awam	Tanah Kerajaan dan Swasta	NKEA-Tourism, Agriculture& Enhancing Infra strcture  Penjenaman Semula Pekan KoboI dengan mewujudkan identiti baru sebagai nilai tambah untuk menarik minat pengunjung	45 juta	Kerajaan Negeri, Jabatan perikanan, Swasta dan MDTM

## INTERNATIONAL CARGO AIR PORT ( CONSEPT



*"The Land for this International Cargo Airport (CIA) is very strategic in term of location in the world and very accessible to Malaysia railway line (0.5km), Malaysia Federal Road 1(1 km) & Malaysia Plus Highway (1.5km). The size of the land is more than enough. Its 5,000 acres beautiful flat land. This is the best opportunity for the best International Cargo Operator"*

# KONSEP AUTOMOTIF UNIVERSITI





## **7.0 RUMUSAN**

Sebagai Pentadbir dan Pemudah cara, salah satu peranan MDTM sebagai Pihak Berkuasa Tempatan adalah mengenalpasti ruang, peluang dan potensi kawasan mahupun aktiviti yang boleh diketengahkan ke peringkat negeri, negara dan antarabangsa.

Cadangan Projek-projek Strategik dalam Jadual 1.0 yang telah diterjemahkan ke atas pelan yang dilampirkan adalah suatu cabaran kepada MDTM khususnya dan agensi sokongan yang berada disekeliling amnya. Cabaran ini tidak boleh ditelan begitu sahaja kerana ia penting dan banyak kerja-kerja perlu dilakukan untuk memastikan sasaran ***Majlis Perbandaran Tanjong Malim 2021*** tercapai. Usaha yang gigih dan jitu kearah ini adalah perlu dan pastinya ia melalui kerjasama pintar bersepakat antara pelbagai agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, ahli politik dan pihak swasta. MDTM yakin ianya bukanlah suatu yang mustahil dilaksanakan.